

Pelajar kerja kilang kumpul duit bayar yuran

Benedick sanggup bekerja bungkus papan lapis semata-mata untuk kumpul wang bagi bayar yuran pengajian

KUALA LUMPUR: Seorang pelajar sanggup membanting tulang empat kerat di sebuah kilang membungkus kayu papan lapis di Bintulu, Sarawak semata-mata untuk mengumpul wang bagi membayar yuran pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pelajar Diploma Pembangunan Manusia, Benedick Adam Jawan, 21, berkata berkat bekerja di kilang itu, dia mampu membiayai yuran pengajian semester pertama di UPM Kampus Bintulu (UPMKB) dalam bidang diminati demi mengubah masa depannya.

“Untuk memperoleh diploma bukan sesuatu yang mudah, saya belajar bersungguh-sungguh sehinggakan menerima biasiswa Kursi Tok Nan.

“Walaupun ibu suri rumah dan ayah pula seorang pemandu lori, saya berjaya membuktikan kepada semua

“Untuk memperoleh diploma bukan sesuatu yang mudah, saya belajar bersungguh-sungguh sehinggakan menerima biasiswa Kursi Tok Nan.”

*Benedick Adam Jawan
Pelajar UPMKB*

bahawa usaha yang gigih akan membuahkan hasil.

“Saya menginspirasi kedua-dua ibu bapa saya yang tidak pernah lelah dalam membesarkan kami adik-beradik.

“Motivasi dalam diri saya adalah ‘jika orang lain boleh, kita juga mesti boleh’.

“Bagi mencapai sebuah matlamat, terdapat banyak halangan dan rintangan yang kita perlu hadapi,” katanya dalam kenyataan yang di-edarkan UPM semalam.

Berasal daripada keluarga susah, Benedick Adam bertekad untuk mengubah

kehidupan keluarga dan memberi inspirasi kepada adik-beradiknya yang lain.

“Terdapat banyak cara untuk melanjutkan pelajaran di universiti tetapi bergantung kepada usaha sendiri. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan,” katanya.

Inisiatif penubuhan Kursi Tok Nan antara UPMKB dan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, secara langsung membantu dana pengajian anak tempatan dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan.

— Bernama